

6

Prestasi Sektor Swasta

Tinjauan Keseluruhan

Prestasi sektor swasta kekal di tahap yang menggalakkan pada tahun 1995, selaras dengan kegiatan ekonomi yang terus rancak. Pendapatan sektor swasta dijangka terus meningkat, berdasarkan tingkat jualan yang tinggi hasil dari permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh. Dengan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi serta pengurangan kadar cukai korporat dan insentif-insentif galakan seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1995, kadar peningkatan perbelanjaan sektor swasta, untuk penggunaan dan pelaburan, dijangka terus mantap pada tahun 1995.

Pendapatan Sektor Swasta

Selaras dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, pendapatan sektor swasta (dalam nilai semasa) bagi individu dan entiti perniagaan dijangka akan meningkat sebanyak 18.7% pada tahun 1995 (1994: 12.3%). Ini sebahagiannya adalah disebabkan peningkatan pendapatan eksport, terutamanya barang-barang perkilangan dan juga komoditi utama, khususnya getah dan minyak kelapa sawit, hasil dari permintaan luar yang kukuh. Pendapatan eksport kasar terus kukuh pada kadar pertumbuhan 21% pada lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: 24.2%). Pertumbuhan kukuh permintaan dalam negeri oleh sektor awam dan swasta juga merupakan satu faktor yang menyebabkan prestasi sektor swasta yang menggalakkan.

Jangkaan prestasi sektor swasta yang kukuh juga dicerminkan oleh hasil Penyiasatan Jangkaan Perniagaan bagi Syarikat-syarikat Berhad (PJP) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan. PJP menunjukkan pertumbuhan hasil bagi tahun 1995

adalah sebanyak 16.5% (1994: 19.3%) dengan semua sektor utama ekonomi, kecuali sektor kecil insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dijangka mencatatkan pertumbuhan dalam hasil kasar (lihat Jadual 6.2).

Sektor perkilangan yang menyumbangkan hampir separuh daripada hasil syarikat-syarikat yang dikaji, dijangka mencapai peningkatan hasil sebanyak 14.5% pada tahun 1995 (1994: 26.6%). Pertumbuhan ini adalah berasaskan peningkatan tinggi bagi pendapatan eksport dan pengeluaran. Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, eksport barang-barang perkilangan telah meningkat pesat sebanyak 21% (Januari-Julai 1994: 31%) manakala keluaran pula meningkat sebanyak 14.7% (Januari-Julai 1994: 14.3%). Kedua-dua industri berorientasikan pasaran eksport dan dalam negeri mencatatkan peningkatan prestasi hasil yang menggalakkan (lihat Jadual 6.1). Sektor-sektor kecil perkilangan yang dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil dua angka adalah industri-industri kelengkapan pengangkutan, keluaran elektrik dan elektronik serta tekstil dan pakaian.

Industri-industri yang berorientasikan pasaran eksport dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang menggalakkan, disebabkan permintaan luar negeri yang kukuh bagi keluaran tekstil dan pakaian, elektrik dan elektronik serta getah. Jangkaan hasil yang menggalakkan bagi industri elektronik dan elektrik (16.7%), meskipun lebih perlahan daripada prestasi tahun 1994, adalah disebabkan oleh permintaan luar negeri yang terus kukuh, perkembangan pesat industri telekomunikasi dan teknologi maklumat serta penggunaan kemudahan komputer dan telekomunikasi yang semakin meluas. Tempahan jualan lebih tinggi dari seberang laut juga dijangka akan meningkatkan hasil industri tekstil dan pakaian sebanyak 35.9%

Jadual 6.1**Hasil Kasar mengikut Sektor Perkilangan¹**

<i>Industri</i>	<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	<i>1994</i>	<i>1995^r</i>	<i>1994</i>	<i>1995^r</i>
Industri berorientasikan pasaran eksport	28,417	33,527	40.4	18.0
Keluaran elektrik dan elektronik	24,519	28,607	40.5	16.7
Tekstil dan pakaian	1,987	2,701	48.2	35.9
Keluaran kayu, tidak termasuk perabot	361	356	4.4	-1.4
Keluaran getah	1,550	1,863	41.3	20.2
Industri berorientasikan pasaran tempatan	36,060	40,279	17.4	11.7
Makanan, minuman dan tembakau	11,002	12,776	14.4	16.1
Keluaran kertas dan percetakan	453	536	17.9	18.3
Kimia dan keluaran kimia	7,168	6,793	15.3	-5.2
Keluaran penapis petroleum	4,209	4,606	-3.0	9.4
Keluaran plastik dan kaca	349	402	35.7	15.2
Keluaran galian bukan logam	1,131	1,265	10.3	11.8
Besi dan keluli	1,511	1,619	7.3	7.1
Keluaran logam dibentuk	1,600	1,490	13.6	-6.9
Jentera, tidak termasuk elektrik	3,003	3,118	91.6	3.8
Kelengkapan pengangkutan	5,634	7,674	25.7	36.2
JUMLAH	64,477	73,806	26.6	14.5

¹ Berdasarkan beberapa terbitan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan (PJP) yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan sebanyak dua kali setahun meliputi 220 buah syarikat perniagaan besar.

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

pada tahun 1995, meskipun pertambahan keluaran menghadapi masalah kekurangan buruh. Industri keluaran getah dijangka mencatatkan peningkatan hasil yang kukuh sebanyak 20.2%, terutamanya disebabkan permintaan luar negeri yang mantap.

Industri-industri yang berorientasikan pasaran tempatan, sebaliknya, dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang lebih perlahan. Kesemua industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri, kecuali keluaran kimia dan logam yang dibentuk, dijangka mencatatkan peningkatan hasil. Industri kelengkapan pengangkutan pula dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil sebanyak 36.2%, berikutan dengan peningkatan tinggi jualan dalam negeri bagi kereta penumpang dan kenderaan perdagangan. Mengenai industri galian bukan logam, hasilnya pada tahun 1995 dijangka meningkat sebanyak 11.8%, sementara bagi industri plastik dan kaca, jangkaan kenaikan hasil adalah sebanyak 15.2%, terutamanya didorong oleh kegiatan sektor pembinaan yang rancak. Bagi industri besi dan keluli, peningkatan hasil dijangka mampan pada kadar 7.1%.

Industri kertas dan percetakan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan hasil yang pesat (18.3%), terutamanya disebabkan oleh prestasi kukuh industri penerbitan dan pengiklanan. Dengan jangkaan pengeluaran petroleum mentah yang bertambah pada tahun 1995, prestasi hasil syarikat-syarikat penapis petroleum dijangka akan meningkat sebanyak 9.4%, berbanding dengan kemerosotan hasil sejak empat tahun kebelakangan ini. Industri makanan dijangka terus mencatatkan kenaikan hasil yang tinggi, selaras dengan kenaikan permintaan untuk makanan diproses dan peningkatan dalam penggunaan pada amnya.

Keluaran logam yang dibentuk dan kimia, walau bagaimanapun, dijangka mengalami kemerosotan hasil pada tahun 1995, turun sebanyak 6.9% dan 5.2% masing-masing. Kemerosotan hasil industri logam yang dibentuk adalah disebabkan oleh keupayaan pengeluaran yang terbatas. Prestasi hasil adalah lemah bagi industri kimia, walaupun potensi permintaan dalam dan luar negeri adalah menggalakkan. Ini adalah disebabkan oleh tempoh yang panjang untuk mendapatkan semula pulangan pelaburan yang dibuat sejak beberapa tahun yang lalu.

Jadual 6.2
Hasil Kasar mengikut Sektor¹

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1994	1995 ^r	1994	1995 ^r
Pertanian	3,266	3,934	16.4	20.5
Getah	270	337	27.6	24.8
Kelapa sawit	2,234	2,686	25.3	20.2
Pembalakan	762	911	-6.0	19.6
Perlombongan ²	330	343	-2.6	3.9
Perkilangan	64,477	73,806	26.6	14.5
Pembinaan	2,327	2,908	-9.7	25.0
Perkhidmatan	59,670	70,488	14.0	18.1
Perdagangan borong dan runcit	31,330	39,516	35.3	26.1
Hotel	410	423	11.9	3.2
Bank dan institusi kewangan lain	13,881	15,211	-20.3	9.6
Insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5,659	5,539	32.4	-2.1
Pengangkutan	8,390	9,799	17.4	16.8
JUMLAH	130,070	151,479	19.3	16.5

¹ Berdasarkan kepada PJP

² Tidak termasuk petroleum dan gas

^r Ramalan.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Sektor pembinaan dijangka mencatatkan penambahan hasil yang ketara sebanyak 25% pada tahun 1995 (1994: -9.7%). Ini adalah disebabkan oleh kegiatan pembinaan yang cergas berikutan dengan pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang besar dan kerja awam serta bertambahnya permulaan pembinaan bagi bangunan kediaman dan perdagangan.

Hasil **sektor pertanian** pula terus meningkat pada tahun 1995, dengan jangkaan kenaikan sebanyak 20.5% (1994: 16.4%). Kenaikan hasil sektor pertanian adalah didorong oleh prestasi kukuh hasil industri-industri perladangan getah, kelapa sawit dan pembalakan. Prestasi hasil syarikat-syarikat getah dan kelapa sawit yang lebih baik adalah terutamanya didorong oleh permintaan luar yang tinggi yang menyebabkan peningkatan jumlah dan harga eksport. Meskipun keluaran pembalakan dijangka menurun, prestasi hasil syarikat-syarikat pembalakan dijangka pulih dari kemerosotan sejak dua tahun yang lalu, berikutan dari peningkatan harga, terutamanya di pasaran luar negeri serta pertambahan permintaan dalam negeri.

Hasil **sektor perlombongan** (tidak termasuk petroleum dan gas) dijangka pulih pada tahun 1995, mencatatkan kenaikan sebanyak 3.9% (1994: -2.6%). Prestasi ini adalah terutamanya disebabkan oleh prestasi hasil yang lebih baik bagi perlombongan bijih besi dan bauksit serta kuari, berikutan dengan peningkatan pengeluaran.

Sektor perkhidmatan dijangka terus mencatatkan peningkatan hasil pada tahun 1995, iaitu sebanyak 18.1% (1994: 14%), berikutan dari peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan selaras dengan kegiatan ekonomi keseluruhan dan pendapatan boleh guna yang lebih pesat. Pertumbuhan hasil sektor ini adalah berpunca daripada sektor kecil perdagangan borong dan runcit, perbankan dan kewangan serta pengangkutan, yang dijangka meningkat di antara 10% hingga 26%. Hasil **sektor kecil perdagangan borong dan runcit**, yang menyumbangkan lebih separuh daripada hasil sektor perkhidmatan, dijangka meningkat sebanyak 26.1% pada tahun 1995, selepas meningkat sebanyak 35.3% pada tahun 1994. Kenaikan hasil yang kukuh ini adalah didorong oleh peningkatan pendapatan boleh guna sektor swasta dan seterusnya penggunaan, jumlah perdagangan yang lebih tinggi, pertambahan bilangan pelancong dan pekerja asing yang tinggi. Pertambahan bilangan pelancong dijangka mengekalkan pertumbuhan hasil industri perhotelan (3.2%) pada tahun 1995.

Sektor kecil pengangkutan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan hasil yang kukuh (16.8%), selaras dengan peningkatan pengendalian urusan kargo dan pengangkutan penumpang berikutan jumlah perdagangan dalam dan luar negeri dan bilangan pelancong yang bertambah.

Kenaikan hasil ini juga mencerminkan keberkesanan langkah-langkah yang diambil sejak beberapa tahun yang lalu untuk meningkatkan keupayaan pengangkutan udara dan laut, terutamanya pengendalian kargo. **Sektor kecil perbankan dan kewangan** dijangka mencatatkan peningkatan hasil yang menggalakkan, sebanyak 9.6% pada tahun 1995, berikutan peningkatan pinjaman dan pendahuluan. Usaha-usaha pemasaran yang lebih agresif bagi memobilisasikan tabungan untuk pembentukan modal seperti dalam bidang pengurusan dana dan sekuriti hutang swasta, juga telah mendorong kenaikan hasil. Walau bagaimanapun, **sektor kecil insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** dijangka mencatatkan kemerosotan hasil (-2.1%), terutamanya akibat prestasi lemah sektor kecil insurans.


Perbelanjaan Penggunaan

Penggunaan swasta dalam nilai benar, iaitu setelah mengambil kira kenaikan harga barang-barang penggunaan dan perkhidmatan dianggarkan pada kadar purata 3.5% pada tahun 1995 (1994: 3.7%), dijangka meningkat pada kadar 13.7% pada tahun 1995 (1994: 7%). Oleh yang demikian, penggunaan swasta benar per kapita dianggarkan terus meningkat pada tahun 1995 sebanyak 11% (1994: 4.5%).

Pendapatan boleh guna sektor swasta yang terus meningkat berserta dengan prospek peluang pekerjaan yang menggalakkan dijangka akan menyebabkan pertumbuhan lebih pesat bagi perbelanjaan penggunaan swasta pada tahun 1995. Pertumbuhan penggunaan swasta pada harga semasa dijangka akan meningkat pada kadar 17.7% pada 1995 (1994: 10.9%). Pengukuhan harga eksport komoditi utama, terutamanya getah dan minyak kelapa sawit sejak 1994, serta kenaikan upah telah menyebabkan peningkatan pendapatan boleh guna swasta di kedua-dua kawasan desa dan bandar. Ini seterusnya meningkatkan perbelanjaan penggunaan.

Perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi digambarkan oleh petunjuk-petunjuk penggunaan seperti diperlihatkan di Carta 6.1. Petunjuk-petunjuk penggunaan utama seperti import barang-barang penggunaan, kutipan cukai jualan dan perkhidmatan, jualan barang-barang tahan lama, separa tahan lama dan tidak tahan lama serta

Carta 6.1
Petunjuk-Petunjuk Penggunaan Swasta



1/ Merujuk kepada jumlah yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan pada akhir tahun kecuali tahun 1995 bagi akhir bulan Julai.


2/ Merujuk kepada skel kanan

3/ Merujuk kepada skel kiri

pinjaman penggunaan yang diberikan oleh sektor perbankan, telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi bagi tempoh tujuh bulan pertama 1995, iaitu di antara 14% hingga 77%. Import barang-barang penggunaan yang merupakan kira-kira 25% daripada jumlah perbelanjaan swasta pada 1994, berkembang sebanyak kira-kira 17.5% bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. Pengurangan dan penghapusan duti import ke atas beberapa barang-barang pengguna, sedikit sebanyak telah mendorong pertambahan import barang-barang penggunaan. Perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi ini digambarkan oleh prestasi hasil kukuh sektor kecil perdagangan borong dan runcit (26.1%) seperti ditunjukkan oleh PJP.

Kenaikan perbelanjaan isi rumah ke atas barangan tahan lama dijangkakan ketara and meluas. Permintaan barang-barang tahan lama yang utama seperti peti sejuk, televisyen, motosikal dan kereta penumpang berkembang di antara 14% hingga 77% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Jualan kereta penumpang khususnya telah meningkat dengan ketara (53%) seperti dicerminkan dalam pertambahan pendaftaran baru bagi kereta (61%). Permintaan untuk kebanyakan barang-barang tidak tahan lama dan separuh tahan lama seperti makanan, minyak wangi dan kelengkapan dandanan diri, kain dan pakaian dijangka akan terus meningkat kukuh pada tahun 1995. Pertambahan jualan dan import barangan tersebut telah mencatatkan peningkatan di antara 12% hingga 25% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995. Ini adalah disebabkan pertambahan kuasa beli kesan kenaikan pendapatan, pertambahan penduduk dan pelancong serta kempen jualan yang agresif yang diambil oleh gedung membeli belah utama, terutamanya di Lembah Kelang. Permintaan perkhidmatan oleh isi rumah juga dijangka terus berkembang pesat pada tahun 1995. Umpamanya, permintaan untuk pengangkutan awam, telekomunikasi dan tenaga dijangkakan akan terus bertambah di antara 5% hingga 19% pada tahun 1995. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, bilangan pelanggan telefon isi rumah telah meningkat sebanyak 19% kesan daripada perkembangan pesat kemudahan infrastruktur telekomunikasi, termasuk di kawasan pedalaman. Persiapan beberapa projek lebuh raya, termasuk Lebuh raya Utara-Selatan yang telah memendekkan masa perjalanan, telah menggalakkan perjalanan dalam negeri dan seterusnya meningkatkan permintaan perkhidmatan pengangkutan.

Carta 6.2
Petunjuk-Petunjuk Pelaburan Swasta



Perbelanjaan Modal

Perbelanjaan modal sektor swasta dijangka terus kukuh pada tahun 1995 mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara. Jumlah pelaburan swasta dalam nilai semasa dijangka berkembang sebanyak 20.9% (24.8% pada tahun 1994) oleh kerana pertambahan keupayaan adalah diperlukan untuk memenuhi tempahan jualan yang kukuh di luar negeri selaras dengan pemulihan ekonomi negara-negara industri utama dan kenaikan permintaan barangan dan perkhidmatan dalam negeri. Jangkaan pertumbuhan pelaburan swasta pada tahun 1995 adalah selaras dengan pertambahan pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan sebanyak 66.9% pada tahun 1994.

Pertumbuhan pelaburan swasta yang mampan pada tahun 1995 dapat dikesan dari sebilangan petunjuk-petunjuk pelaburan, seperti di Carta 6.2. Petunjuk-petunjuk ini termasuk import barangan modal, import dan jualan bahan pembinaan, jumlah pinjaman dan pendahuluan yang dikeluarkan oleh sistem bank, telah menunjukkan kadar

pertumbuhan yang kukuh di antara 5% hingga 26% bagi tujuh bulan pertama tahun 1995. Pendorong pertumbuhan pelaburan swasta dijangka berpunca daripada pelaburan langsung asing dan tempatan. Selaras dengan insentif yang menggalakkan dan asas-asas ekonomi yang kukuh, pelaburan langsung asing dalam bentuk pelaburan baru atau pelaburan semula, dijangka akan meningkat pesat sebanyak 25.9% pada tahun 1995. Pelaburan swasta oleh entiti perniagaan tempatan, termasuk pelaburan oleh industri kecil dan sederhana, dijangka meningkat pada kadar yang menggalakkan iaitu sebanyak 18.3%. Pelaburan di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia dijangka bertambah kepada RM5.4 bilion pada tahun 1995 daripada RM4.6 bilion pada tahun 1994 hasil usaha-usaha Kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negeri.

Seperti yang ditunjukkan oleh PJP (lihat Jadual 6.3), perbelanjaan modal bagi tahun 1995 dijangka berkembang dengan pesat, sebanyak 21.4% (1994: -3.7%). Sebahagian besar (84%) perbelanjaan pelaburan kekal dalam bentuk pembelian jentera

Jadual 6.3
Perbelanjaan Modal mengikut Jenis¹

<i>Kategori perbelanjaan</i>	<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Peratusan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	<i>1994</i>	<i>1995^r</i>	<i>1994</i>	<i>1995^r</i>	<i>1994</i>	<i>1995^r</i>
Bangunan baru dan struktur lain	1,632	1,526	16.3	12.6	11.4	-6.4
Jentera dan kelengkapan baru	5,075	6,139	50.8	50.6	11.2	21.0
Kelengkapan pengangkutan baru	3,020	4,082	30.2	33.6	-24.5	35.2
Perbelanjaan lain	270	394	2.7	3.2	-22.9	45.9
JUMLAH	9,997	12,141	100.0	100.0	-3.7	21.4

¹ Berdasarkan PJP

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

dan kelengkapan pengangkutan baru, masing-masing meningkat sebanyak 21% dan 35.2% selaras dengan pelaburan yang dirancang oleh industri perkilangan yang berorientasikan pasaran eksport serta sektor-sektor kecil pengangkutan, perdagangan pengagihan serta insurans dan perkhidmatan perniagaan. Pelaburan dalam kelengkapan pengangkutan baru dijangka meningkat sebanyak 35.2% setelah mengalami kemerosotan ketara sebanyak 24.5% pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, pelaburan untuk bangunan baru dan struktur lain dijangka menurun sebanyak 6.4% (1994: 11.4%) meskipun permulaan pembinaan adalah pesat. Oleh itu, sumbangannya kepada jumlah perbelanjaan modal dianggarkan menurun daripada 16.3% pada tahun 1994 kepada 12.6% pada tahun 1995.

Pelaburan dalam **sektor perkilangan** (lihat Jadual 6.4) yang menyumbangkan lebih daripada separuh keseluruhan pelaburan dirancang, dijangka mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 19.6% pada tahun 1995 (1994: 2.2%). Prestasi ini disebabkan pertumbuhan kukuh pelaburan oleh industri yang berorientasikan pasaran eksport hasil daripada pesanan jualan luar negeri yang terus kukuh serta jumlah pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (MIDA) yang lebih tinggi pada tahun 1994.

Bagi industri yang berorientasikan pasaran eksport, industri tekstil dan pakaian dijangka akan merekodkan pertambahan perbelanjaan pelaburan pada tahun 1995. Jangkaan ini adalah selaras dengan pelaksanaan pelaburan yang diluluskan oleh MIDA dalam keluaran tekstil pada tahun 1992 dan peralihan strategik industri ini kepada proses keluaran yang berteknologi tinggi dan berintensif modal. Pertumbuhan pesat pelaburan dalam industri elektrik dan elektronik dijangka berterusan ke tahun kesembilan berturut-turut, mencatat peningkatan sebanyak 39.9% (1994: 27.6%). Selepas mencatatkan pertumbuhan pelaburan yang tinggi pada tahun 1994, industri berasaskan getah dijangka akan mencatatkan peningkatan yang lebih kecil (6.6%) dalam perbelanjaan modal sementara pelaburan dalam keluaran berasaskan kayu (tidak termasuk perabot) dijangkakan merosot dengan ketara (78.6%) pada tahun 1995. Ini disebabkan oleh kos pengeluaran yang meningkat kesan daripada kenaikan harga bahan mentah dan upah.

Jadual 6.4
Perbelanjaan Modal Mengikut Sektor
Perkilangan¹

<i>Industri</i>	<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1994	1995 ^r	1994	1995 ^r
Industri berorientasi- kan pasaran eksport	2,017	3,883	32.3	92.5
Keluaran elektrik dan elektronik	1,795	2,512	27.6	39.9
Tekstil dan pakaian	119	1,297	36.8	989.9
Keluaran kayu, tidak termasuk perabot	42	9	284.0	-78.6
Keluaran getah	61	65	200.8	6.6
Industri berorientasi- kan pasaran tempatan	3,200	2,355	-10.7	-26.4
Makanan, minuman dan tembakau	154	213	-24.6	38.3
Keluaran kertas dan percetakan	28	25	93.4	10.7
Kimia dan keluaran kimia	1,125	1,124	-35.7	-0.1
Keluaran penapis petroleum	169	172	27.6	1.8
Keluaran plastik dan kaca	69	48	-9.4	-30.4
Keluaran galian bukan logam	565	222	110.9	-60.7
Besi dan keluli	44	175	-77.6	297.7
Keluaran logam dibentuk	108	65	9.2	-39.8
Jentera, tidak termasuk elektrik	146	154	-45.7	5.5
Kelengkapan pengangkutan	792	157	38.5	-80.2
JUMLAH	5,217	6,238	2.2	19.6

¹ Berdasarkan PJP

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 6.5

Projek yang Diluluskan mengikut Industri

(Januari-Julai)

<i>Industri</i>	<i>Bilangan</i>		<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Peratusan (%)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>
	1994	1995	1994	1995	1994	1995	1995
Keluaran elektrik dan elektronik	131	110	3,728	1,458	26.6	12.3	-60.9
Keluaran tekstil dan kulit	26	27	693	644	4.9	5.4	-7.1
Kayu, perabot dan kelengkapan	58	68	1,148	1,150	8.2	9.7	0.2
Keluaran getah dan plastik	62	62	623	544	4.4	4.6	-12.7
Makanan, minuman dan tembakau	22	20	485	363	3.5	3.0	-25.2
Petroleum dan arang batu	1	0	400	0	2.9	0	-100.0
Kimia dan keluaran kimia	28	47	1,627	1,979	11.6	16.6	21.6
Keluaran galian bukan logam	20	35	2,223	1,633	15.8	13.7	-26.5
Keluaran logam asas dan dibentuk	39	46	1,878	2,698	13.4	22.7	43.7
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42	49	775	1,019	5.5	8.6	31.5
Pelbagai	26	26	451	404	3.2	3.4	-10.4
JUMLAH	455	490	14,031	11,892	100.0	100.0	-15.2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Jadual 6.6**Perbelanjaan Modal mengikut Sektor¹**

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1994	1995 ^r	1994	1995 ^r
Pertanian	233	330	12.5	41.6
Getah	16	21	-7.9	31.3
Kelapa sawit	180	261	3.2	45.0
Pembalakan	37	48	144.2	29.7
Perlombongan ²	62	15	142.7	-75.8
Perkilangan	5,217	6,238	2.2	19.6
Pembinaan	66	83	26.9	25.8
Perkhidmatan	4,419	5,475	-11.4	23.9
Perdagangan borong dan runcit	310	540	9.4	74.2
Hotel	37	22	-45.0	-40.5
Bank dan institusi kewangan lain	547	491	94.5	-10.2
Insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	26	91	-67.0	250.0
Pengangkutan	3,499	4,331	-18.1	23.8
JUMLAH	9,997	12,141	-3.7	21.4

¹ Berdasarkan PJP
² Tidak termasuk petroleum dan gas
^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan

Walaupun pelaburan oleh industri yang berorientasikan pasaran tempatan pada keseluruhannya dijangka merosot, industri-industri makanan, minuman dan tembakau, keluaran kertas dan percetakan, penapisan petroleum, besi dan keluli serta jentera dijangka mencatatkan peningkatan pelaburan di antara 2% hingga 298%. Perbelanjaan modal dalam industri besi dan keluli dijangka mencatatkan pertumbuhan yang tertinggi (298%) pada tahun 1995, selaras dengan usaha-usaha oleh industri ini untuk mempertingkatkan

keupayaan pengeluaran memandangkan lebih daripada separuh syarikat yang telah disiasat beroperasi pada paras keupayaan di antara 81% hingga 100%. Pelaburan dalam industri makanan juga dijangkakan meningkat dengan pantas (38.3%) pada tahun 1995 disebabkan pembelian jentera pemprosesan dan pengeluaran makanan yang moden, selaras dengan proses permodenan yang berterusan dalam industri ini untuk memenuhi permintaan makanan yang semakin meningkat. Perbelanjaan pelaburan oleh industri penapisan petroleum dijangkakan meningkat dengan perlahan, selaras dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kemudahan penapisan pada tahun 1995.

Perbelanjaan pelaburan dalam industri plastik dan kaca, keluaran galian bukan logam dan logam dibentuk serta kelengkapan pengangkutan, walau bagaimanapun, dijangka menurun. Kemerosotan pelaburan dalam keluaran plastik dan kaca (30.4%) disebabkan oleh keupayaan pengeluaran besar yang ada semenjak awal tahun 1995 berikutan persiapan beberapa pelaburan modal yang telah dibuat sebelumnya. Perbelanjaan pelaburan dalam keluaran logam dibentuk dijangka menurun sebanyak 39.8% disebabkan oleh kemerosotan hasil kasar industri ini. Siapnya kilang kereta nasional kedua pada tahun 1994 merupakan di antara sebab-sebab kemerosotan pelaburan dalam industri kelengkapan pengangkutan.

Selepas peningkatan ketara sebanyak 66.9% bagi keseluruhan tahun 1994, pelaburan yang diluluskan oleh MIDA mengalami kemerosotan. Pada tujuh bulan pertama tahun 1995, pelaburan yang diluluskan menurun sebanyak 15.2% (Januari-Julai 1994: 190%) kepada RM11.9 bilion dengan pelaburan asing (RM4.9 bilion) merangkumi sebanyak 40.8% daripada pelaburan yang diluluskan itu manakala 59.2% selebihnya adalah pelaburan tempatan. Pelaburan tempatan kekal pada RM7 bilion manakala pelaburan asing merosot sebanyak 30.6%. Walaupun nilai pelaburan yang diluluskan menurun, terdapat pertambahan dalam bilangan projek yang diluluskan sebanyak 490 bagi tempoh Januari-Julai 1995 berbanding dengan 455 bagi tempoh yang sama pada tahun 1994. Dari segi pengagihan sektor, seperti ditunjukkan di Jadual 6.5, terdapat prestasi yang bercampur-campur. Industri-industri yang mencatatkan pertambahan pelaburan yang diluluskan termasuk

keluaran logam asas dan dibentuk (43.7%), jentera dan kelengkapan pengangkutan (31.5%) dan kimia dan keluaran kimia (21.6%). Industri yang mencatatkan kemerosotan dalam pelaburan yang diluluskan adalah keluaran elektrik dan elektronik, iaitu merosot sebanyak 60.9% dan industri galian bukan logam (-26.5%).

Dari segi negara asal, pelaburan asing yang diluluskan adalah terutamanya dari Jepun (19% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan), Taiwan (18.3%), Singapura (13.7%), India (9.7%) dan Amerika Syarikat (9.6%). Pelaburan yang diluluskan dari India telah meningkat berlipat ganda, iaitu sebanyak 14,300% bagi tujuh bulan pertama tahun 1995 kepada RM473 juta berbanding dengan RM3.3 juta pada tempoh yang sama tahun 1994. Pelaburan ini adalah bagi industri kimia dan keluaran kimia yang berintensif modal.

Pelaburan swasta dalam **sektor pertanian** dijangka akan terus meningkat ketara sebanyak 41.6% pada tahun 1995 (1994: 12.5%) berpunca terutamanya daripada sektor perladangan kelapa sawit dan getah serta firma-firma pembalakan berikutan harga yang mengukuh dan permintaan yang mantap (lihat Jadual 6.6). Bagi perladangan kelapa sawit, jumlah kawasan penanaman baru dan semula meningkat sebanyak 28,491 hektar kepada 54,400 hektar pada tahun 1995. Lebih daripada separuh pelaburan ini adalah dalam bentuk penanaman baru. Untuk getah, kawasan penanaman baru dijangka akan terus kekal sekitar 43,500 hektar. Pertumbuhan perbelanjaan pelaburan bagi industri pembalakan adalah selaras dengan program penanaman semula hutan bagi mengekalkan pembangunan hutan. Bagi melindungi hutan semula jadi, kawasan hutan simpanan telah ditambah daripada 4.5 juta hektar kepada 6.0 juta hektar.

Perbelanjaan modal **sektor pembinaan** dijangka meningkat sebanyak 25.8% pada tahun 1995 (1994: 26.9%). Pelaburan yang mampan dalam sektor ini disebabkan terutamanya oleh kemajuan berterusan projek raksasa seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pusat Bandar Kuala Lumpur, Sistem Transit Aliran Ringan dan projek landasan berkembar untuk kereta api. Di samping itu, ini juga disebabkan oleh permintaan harta tanah yang tinggi berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

Pelaburan swasta dalam **sektor perlombongan** (tidak termasuk petroleum dan gas) dijangkakan merosot ketara pada tahun 1995, disebabkan kejatuhan pelaburan industri tembaga dan timah. Walau bagaimanapun, industri kuari dijangka terus berkembang pesat sejajar dengan kegiatan pembinaan yang kukuh.

Pelaburan swasta dalam **industri minyak dan gas** dijangka bertambah sebanyak 11.4% pada tahun 1995 (1994: 31.8%). Pelaburan modal dalam kegiatan hulu, yang menyumbang lebih 90% daripada keseluruhan pelaburan minyak dan gas dijangka meningkat sebanyak 10.2% pada tahun 1995 (1994: 37.8%) untuk mendapatkan data seismik sepanjang 24,000 km dan menggerudi sebanyak 22 telaga minyak bagi tempoh 1995-96. Pelaburan hiliran oleh syarikat minyak (tidak termasuk PETRONAS) dijangkakan meningkat pesat sebanyak 29.3% pada tahun 1995, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 35.9% bagi tahun 1994. Kebanyakan perbelanjaan modal ini dijangkakan dilabur untuk mempertingkatkan kemudahan loji penapis dan campuran, dan depoh serta memperluaskan rangkaian pengagihan yang sedia ada, termasuk meningkatkan mutu stesen minyak yang sedia ada dan membuka stesen minyak yang baru, terutamanya di Semenanjung Malaysia.

Perbelanjaan modal **sektor perkhidmatan** pada keseluruhannya dijangka bertambah sebanyak 23.9% pada tahun 1995 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 11.4% pada tahun 1994. Pertambahan ini mencerminkan pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor-sektor kecil insurans, harta tanah, perkhidmatan perniagaan, perdagangan borong dan runcit serta pengangkutan. Pelaburan oleh **sektor kecil pengangkutan** yang menyumbang hampir 80% daripada keseluruhan pelaburan sektor perkhidmatan, dijangka meningkat terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan perbelanjaan modal bagi industri kereta api, penerbangan dan perkapalan. Pelaburan dalam **perdagangan borong dan runcit** dijangkakan bertambah ketara sebanyak 74.2% dengan pembinaan beberapa pusat membeli belah, terutamanya di sekitar ibu kota negara dan bandar-bandar utama yang lain. Pelaburan dalam **sektor kecil insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** dijangka meningkat dengan ketara (250%) selaras dengan kegiatan cergas dalam industri perkhidmatan yang berkenaan.

RENCANA 4

Pelaburan Malaysia di Luar Negeri

Pengenalan

Pelaburan di luar negeri oleh pemastautin Malaysia meliputi pelaburan portfolio dan ekuiti, pelaburan untuk memula dan membesarkan perniagaan, merangkumi usahasama dan pengambilalihan, pelaburan harta tanah dan pinjaman jangka panjang, termasuk kredit pembekal dan pinjaman-pinjaman lain, oleh pemastautin (tidak termasuk bank) kepada bukan pemastautin. Pelaburan luar negeri hanya diberi tumpuan sejak beberapa tahun yang lalu apabila ekonomi Malaysia mengalami pertumbuhan yang teguh. Pendapatan dan keuntungan yang tinggi ekoran prestasi ekonomi yang kukuh telah mendorong pelabur-pelabur Malaysia mencari peluang pelaburan dan perniagaan di luar negeri.


Jenis-Jenis dan Arah Aliran Pelaburan Langsung di Luar Negeri

Aliran pelaburan Malaysia di luar negeri dicatat melalui Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berdasarkan Tunai yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Data daripada sumber ini tidak menggambarkan jumlah aliran pelaburan di luar negeri disebabkan sistem tersebut hanya merakamkan aliran keluar (atau aliran masuk) yang melebihi RM50,000.

Aliran pelaburan Malaysia di luar negeri meningkat daripada RM440 juta kepada RM740 juta dengan pertumbuhan sederhana pada kadar purata 6% setahun dalam tempoh tahun 1980 hingga tahun 1990. Walau bagaimanapun, ianya bertambah lebih daripada tiga kali ganda bagi tempoh tahun 1990-94, iaitu meningkat daripada RM1.4 bilion pada tahun 1990 kepada RM4.6 bilion pada tahun 1994. Ini merupakan pertambahan tahunan sebanyak 44.4% dalam tempoh lima tahun. Bagi separuh pertama tahun 1995, sejumlah RM2.7 bilion pelaburan Malaysia di luar negeri telahpun dicatatkan.

Hasil daripada peningkatan yang pesat ini, pelaburan luar negeri kasar bagi tempoh separuh pertama dekad 1990an bertambah sekali ganda

Carta 1
Pelaburan Malaysia Di Luar Negeri



berbanding dekad sebelumnya. Di samping peningkatan yang pesat, terdapat juga peralihan yang ketara dari segi destinasi pelaburan. Tumpuan pelaburan luar negeri masih lagi kepada lima buah negara utama (Hong Kong, Singapura, Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom). Walau bagaimanapun, peratusan pelaburan di negara-negara ini menurun daripada paras tertinggi 90% pada tahun 1980an kepada 75% pada tahun 1990an. Semakin banyak pelaburan luar negeri kasar telah mengalir ke negara-negara membangun, terutama di rantau Asia Pasifik.

Pada awal tahun 1980an, sebahagian besar pelaburan luar negeri tertumpu di dalam sektor **harta tanah**, terutamanya di lima buah negara iaitu Hong Kong (40% daripada jumlah pelaburan dalam sektor hartanah), Singapura (20%), Australia (18%), United Kingdom (11%) dan Amerika Syarikat (4%). Berikutan kejatuhan pasaran harta pada tahun 1985, pelaburan hartanah telah menjunam lebih daripada 75% berbanding dengan paras pada tahun 1980. Berikutan daripada itu, pelaburan harta kekal di bawah 10% daripada

jumlah pelaburan luar negeri. Di samping pengurangan dari segi sumbangan kepada jumlah pelaburan, terdapat juga perubahan yang ketara ke arah pelaburan hartanah di Australia berbanding di Singapura dan Hong Kong. Menjelang tahun 1994, pelaburan hartanah di Australia merupakan 30% daripada jumlah pelaburan hartanah Malaysia di luar negeri. Ini diikuti oleh Hong Kong (16%) dan Singapura (14%). Pelaburan harta tanah di Jepun sebelum tahun 1994 amatlah kecil, sehinggalah apabila RM8.4 juta telah dilaburkan pada tahun itu.

Pada awal tahun 1980an pelaburan ekuiti luar negeri merupakan 16% daripada pelaburan luar negeri kasar. Walau bagaimanapun, ia hanya mula meningkat sejak pertengahan tahun-tahun 1980an, berikutan kejatuhan pasaran hartanah dan menunjukkan pertambahan sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Pada tahun 1985, pelaburan ekuiti hanyalah sebanyak RM203.3 juta dan meningkat kepada RM468.4 juta pada tahun 1990. Ianya terus meningkat kepada RM2,779.9 juta pada tahun 1994 dan merupakan 60% daripada pelaburan luar negeri. Negara penerima terbesar pelaburan hartanah (lebih 70%) adalah lima buah negara tradisional, iaitu Hong Kong, Singapura, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Walaupun pelaburan ekuiti bagi setiap lima buah negara tersebut bertambah pada purata sebanyak RM320 juta antara tahun 1990 dan 1994, pelaburan ekuiti di Jepun masih di peringkat yang rendah, hanya mencapai tahap paling tinggi sebanyak RM36 juta pada tahun 1992 dan menurun kepada RM29 juta pada tahun 1994.

Pelaburan ekuiti Malaysia di rantau Asia-Pasifik telah mula meningkat secara ketara. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, pelaburan ekuiti di kawasan itu meningkat lebih daripada tujuh kali antara tahun 1990 dan 1994, terutamanya di China, Filipina, Indonesia, Vietnam dan India. Berikutan perubahan arah aliran ini, kedudukan Malaysia sebagai negara pelabur berbanding dengan pelabur asing yang lain di negara-negara tersebut semakin meningkat. Dari segi jumlah pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 1994, kedudukan Malaysia adalah kedua tertinggi di Bangladesh, ketujuh di Vietnam, ketiga belas di China dan ketujuh belas di Indonesia. Kebanyakan pelaburan di negara ini adalah di dalam kegiatan perkilangan, perlombongan dan pembinaan.

Jadual 1
Pelaburan Ekuiti di Luar Negeri
(RM juta)

	1985	1990	1994
China	0.0	0.5	172.3
Filipina	3.0	0.9	167.3
Indonesia	1.2	1.9	73.2
Vietnam	0.0	0.0	57.5
India	0.0	0.6	22.1
Taiwan	0.4	12.6	12.6
Papua New Guinea	0.0	0.6	12.4
Thailand	38.9	44.7	6.4
Cambodia	0.0	0.0	4.3
Korea Selatan	0.1	0.6	0.8
Fiji	0.0	3.5	0.0
(a) Jumlah kecil	43.6	65.9	528.9
(b) Jumlah keseluruhan pelaburan ekuiti	203.3	468.4	2,779.9
(a) sebagai peratusan kepada (b)	21.4	14.1	19.0

Dilihat dari segi pecahan mengikut sektor, pada tahun 1993, pelaburan ekuiti langsung dalam bidang kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan merupakan sub-sektor yang terbesar, menyumbangkan sebanyak 69% daripada jumlah pelaburan ekuiti langsung. Ianya diikuti pula oleh perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran (11.4%), perkilangan (7.4%), perlombongan dan kuari (5.9%) dan pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan (3.6%). Angka-angka ini adalah berdasarkan Kaji Selidik Tahunan Mengenai Pendedahan Pemastautin Terhadap Pinjaman dan Pelaburan Langsung Dengan Bukan Pemastautin yang dijalankan pada tahun 1993 oleh Bank Negara Malaysia.

Mengenai **pinjaman jangka panjang**, pada tahun 1980, sebanyak RM119.9 juta telah dipinjamkan oleh pemastautin Malaysia kepada bukan pemastautin. Lima buah negara yang menerima jumlah pinjaman terbanyak adalah Singapura (53.2% daripada jumlah), Amerika Syarikat (12.3%), United Kingdom (11.4%), Jepun (8.4%) dan Hong Kong (4.6%). Pada tahun 1994, lima buah negara yang teratas adalah Hong Kong (38.8%), Singapura (13.6%), Amerika Syarikat (9.7%), United Kingdom (8.8%) dan Australia (4.7%). Jumlah keseluruhan pinjaman yang disalurkan pada tahun 1994 adalah sebanyak RM1,592.5 juta dan mencerminkan pertambahan tahunan sebanyak 20.3%.

Dari segi pecahan hutang belum selesai, seperti yang ditunjukkan oleh kaji selidik Bank Negara itu, perlombongan merupakan sub-sektor yang terbesar dan merupakan 66.7% daripada hutang belum selesai pada tahun 1993. Ini diikuti pula oleh kewangan, insurans, harta tanah dan

perkhidmatan perniagaan yang merupakan 22.6% daripada jumlah itu. Sektor-sektor seperti pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan, dan perniagaan runcit dan borong serta restoran dan hotel adalah kecil. Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menyumbangkan 4.2% manakala sektor perniagaan borong dan runcit serta restoran dan hotel menyumbangkan 2.7% daripada jumlah keseluruhan.

Saiz Pelaburan Ekuiti Luar Negeri

Bilangan projek-projek besar yang dilaksanakan oleh pelabur Malaysia di luar negeri semakin bertambah. Pada tahun 1994, 60 (25%) daripada 236 projek yang diluluskan merupakan projek-projek yang besar, iaitu bernilai lebih RM10 juta setiap satu (lihat Jadual 2). Projek-projek ini berjumlah RM2,869.9 juta atau 88% daripada jumlah nilai projek yang diluluskan. Pada tahun 1990, terdapat 13 projek yang diluluskan (1989:

Jadual 2

Nilai dan Bilangan Projek yang Diluluskan mengikut Saiz *

Saiz pelaburan	1989		1990		1994	
	No. -	RM juta	No.	RM juta	No.	RM juta
Kurang daripada RM100,000	11	0.5	7	0.3	27	1.4
Antara RM100,000 dan RM500,000	12	2.3	14	3.0	37	8.6
Antara RM500,000 dan RM1 juta	4	2.7	10	5.7	15	10.2
Antara RM1 juta dan RM10 juta	9	22.8	17	62.6	97	376.7
Lebih daripada RM10 juta	8	349.1	13	5,769.0	60	2,869.9
JUMLAH	44	377.4	61	5,840.6	236	3,266.8

Nota: * Kelulusan Bank Negara Malaysia adalah diperlukan untuk pelaburan di luar negeri jika pemastautin memperoleh kemudahan kredit tempatan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

8) untuk projek-projek yang besar, bernilai RM5,769 juta atau 98% daripada nilai projek yang diluluskan. Projek yang nilainya kurang daripada RM10 juta menyumbang di antara 30% hingga 55% daripada bilangan projek. Walau bagaimanapun, peratusannya adalah kurang daripada 15% daripada nilai projek yang diluluskan pada tahun-tahun 1989 hingga 1994.

Di Cambodia, pelaburan Malaysia termasuk pelaksanaan satu projek raksasa meliputi pakej bernilai AS\$1.3 bilion untuk memajukan bahagian selatan negara tersebut agar menjadi pusat pelancongan, perindustrian, perdagangan, kediaman dan hiburan yang lengkap. Ini termasuklah pembangunan Naga Resort, iaitu kasino terapung lima bintang di sepanjang Tonle Basaac, yang bernilai AS\$50 juta yang telah disiapkan. Dua projek lain di Sihanoukville, iaitu pembinaan sebuah hotel dan sebuah projek tenaga bersendirian bernilai di antara AS\$90 hingga AS\$95 juta akan dilaksanakan. Di India, pelabur-pelabur Malaysia bercadang untuk menjalankan kajian kemungkinan bernilai RM40 juta, untuk membina lebuh raya sepanjang 10,300 km yang menghubungkan bandar-bandar utama di benua kecil India. Di samping itu, mereka juga bercadang untuk melaksanakan sebuah projek lebuh raya bernilai AS\$20 bilion. Di Bangladesh pula, pelaburan Malaysia termasuklah sebanyak AS\$212 juta untuk membina kilang tekstil bersepadu yang terbesar di negara itu. Di Pulau Bantam, Indonesia pelabur-pelabur Malaysia terlibat untuk membina sebuah pelabuhan kontena bernilai AS\$1.1 bilion.

Peranan Kerajaan

Kerajaan menggalakkan pelaburan di luar negeri, terutama dalam bidang di mana pelabur-pelabur Malaysia mempunyai kelebihan perbandingan dari segi kemahiran dan pengetahuan, seperti barangan perkilangan berasaskan sumber dan barangan pertanian yang diproses. Untuk itu, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif. Ini termasuk pengecualian cukai terhadap pendapatan yang dibawa masuk ke dalam negara oleh syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri serta menyediakan program jaminan pelaburan di luar negeri. Di samping itu, Kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia menyertai rombongan penggalakan pelaburan di luar negeri.

Sejak tahun 1991, Kerajaan memperkenalkan satu pakej insentif untuk menggalakkan pelabur Malaysia melabur di luar negeri, terutama di mana negara mempunyai kepakaran di bidang perkilangan yang berasaskan sumber dan memproses barangan pertanian. Insentif cukai ini termasuk memberi potongan 50% ke atas pendapatan yang diperolehi di luar negeri yang dibawa balik ke Malaysia serta potongan ke atas perbelanjaan sebelum operasi, seperti perbelanjaan penyelidikan pasaran. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan ini juga tidak akan dikenakan cukai. Pengecualian itu adalah bagi tempoh lima tahun selepas syarikat mula beroperasi dan mula memperoleh keuntungan. Kadar potongan dinaikkan lagi kepada 70% pada tahun 1994. Dalam Belanjawan 1995, Kerajaan memberikan **pengecualian cukai** ke atas pendapatan yang dibawa balik oleh syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Pengecualian ini, walau bagaimanapun, tidak termasuk pendapatan perniagaan yang diperolehi oleh sektor perbankan, insurans, pengangkutan udara dan laut.

Oleh kerana pelaburan seberang laut melibatkan risiko yang tinggi, jaminan keselamatan dan perlindungan adalah diperlukan. Oleh itu, satu rangka undang-undang bagi meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur adalah mustahak. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian jaminan pelaburan dengan empat puluh lima buah negara dan perjanjian percukaian dua kali dengan empat puluh tiga buah negara. Dengan perjanjian jaminan pelaburan ini, Malaysia dan negara-negara berkenaan masing-masing bersetuju untuk melindungi pelaburan asing dari negara berkenaan daripada dimiliknegerakan atau dirampas. Selain daripada itu, jaminan juga diberikan mengenai kebebasan memindahkan modal, keuntungan dan yuran serta keadilan dalam menyelesaikan pertelingkahan yang mungkin timbul. Perjanjian percukaian dua kali pula memastikan bahawa pelabur-pelabur akan diberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang dibawa balik dari luar negeri jika cukai ke atas pendapatan itu telah dibayar di seberang laut.

Pada pertengahan tahun 1994, Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) telah melancarkan Skim Jaminan Pelaburan Di Luar Negeri, terutama untuk memberi jaminan dan

perlindungan kepada pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri terhadap risiko politik seperti peperangan, kekacauan awam, halangan pemindahan wang, rampasan dan pembatalan kontrak. MECIB menyediakan perlindungan sehingga 90% daripada kerugian dengan tempoh perlindungan sehingga sepuluh tahun. Untuk mendapatkan perlindungan itu, pelaburan tersebut mestilah pelaburan baru atau kemasukan modal baru ke dalam projek yang sedia ada untuk tujuan pembesaran atau pemodenan. Pelaburan tersebut mestilah menggunakan bahan mentah dari Malaysia atau membekalkan input kepada industri tempatan di Malaysia atau menyumbangkan kepada kerjasama Selatan-Selatan.

Dalam usaha meningkatkan sektor eksport Malaysia, termasuk eksport perkhidmatan, pada 7 September 1995 yang lalu, sebuah bank eksport-import, iaitu Export-Import (Exim) Bank Malaysia Berhad, telah dilancarkan. Di samping menyediakan kemudahan kewangan untuk meningkatkan pelaburan modal dalam industri berorientasikan eksport, bank ini akan membantu menggalakkan dan meneroka peluang pelaburan Malaysia di luar negeri, terutamanya dalam projek-projek pasang siap, khususnya di negara-negara Selatan-Selatan. Bank ini akan meneroka untuk menyediakan pakej kewangan dan khidmat nasihat yang lebih luas bagi mempertingkatkan pelaburan Malaysia di luar negara, terutamanya dalam pasaran bukan tradisional.

Cabaran dan Prospek

Beberapa perkembangan menunjukkan reformasi ekonomi dan politik sedang berlaku di beberapa buah negara seperti China, Vietnam, India dan Sri Lanka. Ini telah menjadikan iklim pelaburan di negara-negara tersebut lebih menarik. Oleh yang demikian, prospek bagi pelabur-pelabur Malaysia untuk mengembangkan pelaburan dan perniagaan mereka di sana adalah cerah.

Dengan jumlah penduduk seramai 1.2 bilion dan kadar pertumbuhan dua angka, **China** menyediakan peluang yang banyak kepada pelabur-pelabur Malaysia. Sebuah lagi negara yang mempunyai pasaran yang berpotensi bagi syarikat-syarikat Malaysia adalah **Vietnam**.

Selepas mengalami peperangan dan pengasingan diplomatik selama lima puluh tahun, negara itu kini telah membuka peluang yang luas terhadap pelaburan. Sebelum pembatalan sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat, Vietnam sudah pun menarik perhatian kebanyakan negara. Negara yang mempunyai 72 juta penduduk itu kaya dengan hasil galian dan minyak. Dengan penyertaan Vietnam di dalam ASEAN pada 30 Julai 1995, kerjasama dalam bidang ekonomi dua hala dan serantau akan terus meningkat. Di samping itu, prospek bagi pelaburan tambahan di kalangan negara-negara **ASEAN** adalah cerah di bawah konsep pertumbuhan segitiga.

Dalam menjalankan perniagaan dan pelaburan di luar negeri, adalah penting untuk menjaga dan meningkatkan nama baik negara. Dalam hal ini, sektor swasta Malaysia boleh memainkan peranan yang penting. Sektor swasta bukan sahaja perlu menggunakan pengalamannya sebagai pendorong utama pertumbuhan di Malaysia tetapi juga perlu memperkenalkan etika kerja yang boleh dicontohi, termasuk kecekapan, kejujuran dan ketinggian mutu, serta budaya korporat yang unik. Sektor swasta Malaysia mestilah berusaha untuk memperkenalkan syarikat multinasionalnya sendiri.

Penutup

Memandangkan jangkaan bahawa ekonomi Malaysia serta rantau Asia-Pasifik akan terus mengekalkan pertumbuhannya yang teguh, bidang serta prospek pelaburan Malaysia di luar negeri pada tahun-tahun akan datang adalah cerah. Pelaburan asing bukan sahaja dialu-alukan oleh negara-negara membangun yang mengalami reformasi ekonomi, tetapi juga oleh negara-negara perindustrian.

Sebagai sebuah negara yang menuju ke arah taraf negara maju, adalah penting bagi pelabur Malaysia untuk mencari peluang-peluang perniagaan dan pelaburan di luar negeri. Walau bagaimanapun, pelaburan di luar negeri akan menguntungkan negara jika keuntungan dan dividen yang diperolehi itu di bawa balik ke Malaysia. Ini akan dapat mengurangkan defisit akaun perkhidmatan di dalam imbangan pembayaran negara.

Sumber Pembiayaan

Hasil daripada pendapatan sektor korporat yang bertambah baik, dana dalaman terus menjadi sumber utama pembiayaan pelaburan sektor swasta, seperti yang ditunjukkan oleh PJP. Ini dicerminkan oleh peningkatan peratusan dana dalaman sektor perniagaan untuk membiayai pelaburan, yang meningkat daripada 67% pada tahun 1994 kepada 69% pada tahun 1995 (lihat Jadual 6.7).

Jadual 6.7

Sumber Pembiayaan Sektor Swasta¹
(% sumbangan)

	1994	1995 (Ramalan)
Dana dalaman	67	69
Pinjaman dalam negeri	10	17
Pinjaman luar negeri	23	14
JUMLAH (RM juta)	100 9,997	100 12,141

¹ Berdasarkan PJP

Sumber: Jabatan Perangkaan

Sumbangan pinjaman kepada jumlah pelaburan dijangka merosot kepada 31% (1994: 33%). Pinjaman daripada bank-bank tempatan dijangka menyumbang 17% daripada jumlah keperluan pembiayaan pada tahun 1995 (10% pada tahun 1994). Peningkatan pinjaman dalam negeri dicerminkan oleh pemberian pinjaman dan pendahuluan oleh sistem bank kepada sektor swasta (lihat Jadual 6.8). Sehingga akhir bulan Julai 1995, jumlah pinjaman dan pendahuluan yang dikeluarkan oleh sistem bank kepada sektor swasta meningkat 27.2% (akhir Julai 1994: 9.4%), mencerminkan pertambahan pemberian pinjaman dan pendahuluan kepada semua sektor ekonomi.

Jadual 6.8

**Pinjaman dan Pendahuluan yang
Dikeluarkan oleh Sistem Bank¹**
(pada akhir bulan Julai)

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan tahunan (%)	
	1994	1995	1994	1995
Pertanian	4,842	4,924	-13.3	1.7
Perlombongan dan kuari	866	1,119	-12.0	29.2
Perkilangan	33,237	44,788	8.4	34.8
Pembinaan	14,675	18,012	7.3	22.7
Perkhidmatan	102,245	129,406	11.7	26.6
Perniagaan am, termasuk perdagangan borong dan runcit	15,773	19,424	3.2	23.1
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2,624	4,499	28.3	71.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	18,807	26,358	19.6	40.1
Harta termasuk harta tanah dan perumahan	34,611	47,762	1.1	38.0
Lain-lain	35,567	31,363	39.9	-11.8
JUMLAH	155,866	198,249	9.4	27.2

¹ Tidak termasuk kredit penggunaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6.9**Dana yang Diperolehi di Pasaran Modal
(Januari-Ogos)**

	<i>RM juta</i>		<i>% sumbangan</i>	
	1994	1995	1994	1995
Saham	4,609	5,919	78.3	91.0
Terbitan awam	59	428	1.0	6.6
Terbitan hak	2,281	3,344	38.7	51.4
Terbitan khas	685	1,524	11.6	23.4
Tawaran untuk jualan	1,584	622	26.9	9.6
Sekuriti hutang	1,281	585	21.7	9.0
Bon biasa ¹	729	70	12.4	1.1
Bon boleh tukar ²	-	-	-	-
Bon Islam	214	-	3.6	-
Lain-lain ³	338	515	5.7	7.9
JUMLAH	5,890	6,504	100.0	100.0
Saham dan sekuriti hutang mengikut sektor				
Pertanian	319	203	5.4	3.1
Perlombongan	222	-	3.8	-
Perkilangan	1,616	2,024	27.4	31.1
Pembinaan	1,054	1,018	17.9	15.7
Perkhidmatan	2,679	3,259	45.5	50.1
Perniagaan am	817	914	13.9	14.1
Kewangan dan insurans	1,320	2,071	22.4	31.8
Pengangkutan	-	15	-	0.2
Lain-lain	542	259	9.2	4.0

¹ Termasuk bon boleh tebus, stok pinjaman tanpa cagaran dan bon jaminan Kerajaan. Angka ini termasuk nilai bon berwaran pada masa diterbitkan tetapi tidak meliputi dana yang diperolehi ketika waran itu dikuatkuasakan.

² Termasuk stok pinjaman boleh tukar dan bon Eropah boleh tukar (tidak termasuk dana yang diperolehi ketika pertukaran bon).

³ Termasuk kemudahan-kemudahan pusingan, nota tanpa cagaran dan bon 'yankee'.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

Seperti yang ditunjukkan oleh PJP, 14% daripada pelaburan swasta yang dirancang pada tahun 1995 dijangka akan dibiayai melalui pinjaman luar negeri, iaitu lebih rendah berbanding dengan 23% pada tahun 1994, selaras dengan kadar faedah di pasaran kewangan antarabangsa yang semakin meningkat. Di samping pinjaman asing, ekuiti asing terus merupakan satu lagi sumber penting pembiayaan pelaburan sektor swasta. Pelaburan sektor perkilangan yang diluluskan oleh MIDA bagi tempoh 1993-94 menunjukkan 47% daripada jumlah ekuiti yang diluluskan dibiayai oleh ekuiti asing. Walau bagaimanapun, peratusan ini adalah lebih rendah berbanding dengan 61% yang dicatatkan bagi tempoh 1992-93.

Bagi memenuhi peningkatan keperluan pembiayaan pembentukan modal sektor korporat bagi tahun 1995, sebahagian besar dana tersebut diperolehi melalui pasaran modal, iaitu sebanyak RM6.5 bilion bagi lapan bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan RM5.9 bilion bagi tempoh yang sama tahun 1994 (lihat Jadual 6.9). Daripada sejumlah RM5.9 bilion yang diperolehi melalui Bursa Saham Kuala Lumpur bagi lapan bulan pertama tahun 1995, sebanyak RM0.4 bilion telah didapati melalui langganan terbitan saham-saham baru, RM3.3 bilion melalui terbitan hak, RM1.5 bilion melalui terbitan khas dan RM0.6 bilion melalui tawaran jualan. Di samping itu, sebanyak RM0.6 bilion dalam bentuk sekuriti hutang telah dikeluarkan pada tempoh yang sama. Daripada jumlah dana yang didapati, sektor perkhidmatan kekal sebagai peminjam terbesar (50%) diikuti oleh sektor perkilangan (31%). Kedua-dua sektor ini menyumbangkan 81% daripada jumlah dana yang diperolehi.

Pasaran sekuriti hutang swasta telah meningkat sebagai sumber pembiayaan pembentukan modal. Ini dapat dilihat dari bilangan penilaian hutang korporat yang dijalankan oleh Rating Agency Malaysia (RAM), yang meningkat daripada 22 penilaian berjumlah RM2.8 bilion pada tahun 1992 kepada 72 penilaian berjumlah RM8.4 bilion pada tahun 1993 dan 82 penilaian berjumlah RM10.1 bilion pada tahun 1994. Pada lapan bulan pertama tahun 1995, RAM telah menyiapkan sejumlah 56 penilaian hutang korporat yang bernilai RM8.6 bilion (Januari-Ogos 1994: 57 bernilai RM7.5 bilion).

Kedudukan Sumber Sektor Swasta

Dengan pendapatan sektor swasta dijangkakan bertambah pesat sebanyak 18.7% pada tahun 1995 (12.3% pada tahun 1994) berbanding dengan pertambahan perbelanjaan penggunaan swasta sebanyak 17.7% (10.9% pada tahun 1994), tabungan sektor swasta dijangka meningkat sebanyak 21.3% menjadi 21.1% daripada KNK (20% pada tahun 1994). Walau bagaimanapun, oleh kerana pelaburan kasar sektor swasta (termasuk perubahan stok) dijangka meningkat sebanyak 22.1% (atau 28.4% daripada KNK), jurang sumber sektor swasta dijangka terus membesar daripada 6.7% daripada KNK pada tahun 1994 kepada 7.2% daripada KNK pada tahun 1995. Walaupun demikian, defisit ini dijangka akan dapat dibiayai oleh aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan besar.

Jadual 6.10

Kedudukan Sumber Sektor Swasta (dalam harga semasa)

	RM juta		% perubahan	
	1994	1995 ^r	1994	1995 ^r
Pendapatan sektor swasta ¹	127,214	151,008	12.3	18.7
Tolak penggunaan swasta	91,968	108,246	10.9	17.7
Tabungan sektor swasta (% daripada KNK)	35,246 (20.0)	42,762 (21.1)	16.2	21.3
Pelaburan sektor swasta ² (% daripada KNK)	46,983 (26.6)	57,384 (28.4)	26.6	22.1
Jurang tabungan - pelaburan swasta (% daripada KNK)	-11,737 (-6.7)	-14,622 (-7.2)		
¹ Selepas ditolak cukai langsung tetapi termasuk subsidi. ² Termasuk perubahan stok ^r Ramalan.				